



الهجرة

AL-HUDA

Naskah Percuma
Keluaran 12. Bil. 2/2018

SEJARAH
GOLONGAN LGBT
Dalam Al-Quran



LGBT

APA PENDIRIAN KITA?

TOKOH

TUAN HAJI ABDULLAH BIN ISMAIL



SIDANG REDAKSI

PENAUNG :

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
(Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang)

PENASIHAT :

HAJI AMINUDIN BIN MOHAMAD
(Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang)

KETUA EDITOR :

FAKHRURRAZI BIN MD MAHDZIR

PENOLONG EDITOR :

FAIRUS AIN BINTI ABDUL AZIZ

SIDANG PENOLONG EDITOR :

AZWATI BINTI ZAINOL ADIDIN
NORFAZILAH BINTI MOHD LIDI
MOHD FERDAUS BIN HASHIM

FOTOGRAFI :

SITI ASMAH BT. ABDUL MANAP

Pena Editor

Isu-isu sosial dalam masyarakat masa kini semakin membimbangkan. Apabila direnung berita-berita yang terdapat di media cetak dan elektronik, masalah ini bagaikan tiada penghujungnya. Saban hari kita didedahkan dengan masalah moral; buang bayi, bersekedudukan, bunuh diri, krisis jantina dan sebagainya semakin merebak luas dalam masyarakat.

Jika dahulu isu-isu berkaitan dengan krisis identiti amat sukar untuk dibicarakan, tetapi hari ini golongan yang melawan arus ini sudah berani tampil dengan identiti tersendiri di khalayak ramai. Isu yang melibatkan gender ini menjadi semakin popular akibat daripada kemajuan teknologi yang canggih dan serba moden seperti facebook, instagram dan sebagainya. Keadaan amat menyedihkan apabila golongan ini sudah berani melakukan pembedahan untuk mengubah anugerah yang diciptakan Allah SWT semata-mata kerana memenuhi tuntutan nafsu. Rentetan daripada itu, permasalahan ini perlu diambil perhatian oleh semua pihak supaya ia dapat dibendung dan dikawal.

Islam amat memandang serius hal ini kerana ia melibatkan hukum dan syariat Islam. Bukan dari aspek syarak saja, masalah ini juga boleh mendatangkan kemudaratan daripada kebaikan kepada sesebuah negara. Tidak mustahil di masa akan datang jika masalah ini tidak dibendung, ia akan menyebabkan remaja yang baru meningkat usia terpengaruh dengan budaya sedemikian yang menyalahi hukum syarak dan nilai-nilai moral sebagai manusia normal.

Al-Huda terbitan kali ini, memberikan tumpuan berkaitan dengan masalah krisis identiti ini. Selain fatwa yang berkaitan dengan hukum merubah ciptaan Allah SWT, disertakan juga penulisan yang berkaitan masalah ini. Seperti kelaziman terbitan yang lalu aktiviti-aktiviti JMNPP juga disertakan untuk pengetahuan pembaca. Semoga terbitan pada kali ini dapat menambahkan lagi pengetahuan kepada masyarakat untuk sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Maha Pencipta.

KANDUNGAN

▪ Pena Editor	01
▪ Bicara Mufti	02
▪ Fokus LGBT : LGBT : Apa Pendirian Kita?	03
▪ Warta Kerajaan: Fatwa Mengenai Hukum Wanita Menyerupai Lelaki Dan Sebaliknya	05
▪ Wacana Ilmiah : Sejarah Golongan LGBT Dalam Al-Quran	07
▪ Al-Quran/Falak : Teori Fajar Kazib	09
▪ Lensa Al-Huda	10
▪ Aktiviti Jabatan	12
▪ Berita Jabatan	14
▪ Ruang Tokoh : Tuan Haji Abdullah bin Ismail	16
▪ Kemusykilan Agama 1. Lelaki Melebihi Wanita 2. Kriteria Pengharaman Menyerupai Sesuatu Kaum	17
▪ Content Open Data	18
▪ Pentadbiran	19

Bicara MUFTI



Antara Pengajaran dan Kesedaran

Sejarah juga telah memperlihatkan kehancuran umat terdahulu akibat kemungkaran yang dilakukan. Kota Pompeii yang menjadi pusat pelacuran dan penzinaan di kalangan masyarakatnya suatu ketika dahulu akhirnya tenggelam dalam muntahan lava dan debu Gunung Vesuvius yang kini menjadi simbol negara Itali. Kota ini mengalami kemusnahan sama seperti bencana yang ditimpakan oleh Allah terhadap kaum Nabi Luth. Maksiat yang paling menonjol yang menjadi ciri khas hidup mereka adalah perbuatan homoseksual sehinggakan ia merupakan suatu kebudayaan bagi kaum Sodom ketika itu.

Sewajarnya, mereka yang terjebak dengan kecelaruan identiti ini harus diberi kesedaran dan peringatan terhadap implikasi yang mungkin akan diterima, dan dapat mengambil ibrah daripadanya. Allah telah berfirman dalam surah al-Anbiya' ayat 74 yang bermaksud:

"Dan kepada Luth, Kami telah berikan hikmah dan ilmu, dan Kami telah selamatkan dia dari azab yang telah menimpa penduduk kota yang mengerjakan perbuatan keji. Sesungguhnya mereka adalah kaum yang jahat lagi fasiq".

Kesimpulannya

Kebebasan yang dituntut oleh golongan yang menghadapi krisis jantina ini sebenarnya adalah kebebasan palsu. Kebebasan manusia mestilah dibatasi agama dan adat, kebebasan mutlak tidak wujud di dunia ini bahkan sehingga dalam dunia biologikal pun ada batasnya. Justeru, sekiranya tidak dicegah dengan segera, perkara ini boleh mendatangkan kehancuran kepada tamadun bangsa dan negara.

Marilah kita bersama mencegah agar budaya songsang ini dapat dihindarkan dari merebak luas dalam masyarakat kita. Kurangnya penghayatan terhadap kefahaman agama merupakan faktor yang membawa kepada masalah krisis jantina ini. Secara dasarnya mereka ini faham bahawa tindakan mereka adalah salah di sisi agama. Namun kerana tipisnya iman ditambah pula dengan kehendak nafsu, mereka memilih untuk menjadi orang yang melanggar syariat yang ditetapkan.

Peranan ibu bapa juga seharusnya memastikan anak-anak mereka membesar dalam acuan yang telah digariskan dalam Islam. Contoh yang baik atau qudwah hasanah perlu ditonjolkan oleh ibu bapa agar dapat diikuti oleh anak-anak. Peredaran masa dan perkembangan zaman menghendaki tanggungjawab keibubapaan terus dilaksanakan untuk mendepani cabaran getir. Justeru, ibu bapa zaman kini perlu sentiasa peka dengan cabaran semasa dan bersedia untuk menghadapinya khususnya berkaitan ancaman terhadap institusi kekeluargaan.

Ajaran Islam sentiasa memberikan harapan untuk manusia kembali bertaubat dan kepada Allah dengan penuh penuh cinta dan kasih sayang. Islam tidak suka manusia berputus asa, sebaliknya sentiasa memberikan motivasi dan nasihat agar manusia sentiasa menjadi yang terbaik. Sesuai dengan keindahan kejadian manusia sebagai sebaik-baik ciptaan.

Kemodenan dan globalisasi yang berlaku telah menyediakan masyarakat dengan pelbagai kemudahan. Perhubungan dan komunikasi masyarakat khususnya telah menjadi semakin dekat. Perkembangan ini juga turut menjadikan masyarakat hari ini semakin berilmu kerana pengetahuan sudah berada di hujung jari. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa kecanggihan yang ada ini turut mempengaruhi minda dan gaya hidup masyarakat masa kini sama ada menjadi masyarakat yang berakhlak atau sebaliknya.

Budaya ketimuran yang selama ini menjadi identiti masyarakat sedikit sebanyak turut terhakis. Penyebaran mengenai kebebasan hak, kebebasan ideologi dan seumpamanya menjadikan situasi masyarakat semakin bebas dan membawa kepada kepelbagaian tuntutan yang bertentangan dengan prinsip hukum.

Gejala keruntuhan akhlak, jika sebelum ini hanya dikaitkan dengan penularan di bandar-bandar besar sahaja, kini telah menyerap masuk dalam masyarakat di merata tempat, terutamanya di kalangan mereka yang alpa dan lalai terhadap tuntutan agama.

Kecelaruan identiti juga semakin membimbangkan. Beberapa istilah seperti *transgender*, *gay*, *lesbian*, *pengkid* dan sebagainya telah menjadi bualan masyarakat. Perbuatan yang bertentangan dengan agama dan budaya tersebut mula merebak dalam masyarakat. Malahan apa yang sangat membimbangkan terdapat pertubuhan yang diwujudkan untuk membela dan menyokong tindakan-tindakan golongan tersebut.

Sekilas pandang, kita hampir tertipu dengan kehadiran mereka yang kecelaruan identiti ini. Seorang lelaki sanggup merubah dirinya menjadi seorang wanita yang jauh lebih "kewanitaannya" dari wanita tulen. Allah telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik ciptaan dengan menciptakan pelbagai jantina. Namun, terdapat pula segelintir dari kalangan ahli yang tidak mensyukuri ketentuannya dengan mengubah jantina mereka.

Mengapa ini terjadi, adakah anugerah yang Allah ciptakan itu tidak sempurna atau mereka merasakan mereka lebih berhak dan berkuasa dari Allah? Dimanakah penghayatan terhadap rukun Iman dengan qada' dan qadar? Sedangkan dalam al-Quran telah diterangkan mengenai penciptaan dan anugerah kejadian manusia sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Syura, ayat 49-50 yang bermaksud:

"Bagi Allah jualah hak milik segala yang ada di langit dan di bumi; la menciptakan apa yang dikehendaki-Nya; la mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Atau la mengurniakan mereka kedua-duanya anak lelaki dan perempuan, dan la juga menjadikan sesiapa yang dikehendaki-Nya mandul. Sesungguhnya la Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa."

Keadaan menjadi semakin membimbangkan apabila terdapat segelintirnya menuntut hak mereka sebagaimana yang diterima oleh masyarakat yang lain. Dari sudut undang-undang, tidak dibezakan antara lelaki dan perempuan dalam mendapatkan kebebasan yang diinginkan. Namun menuntut hak yang bertentangan dengan nilai-nilai murni ini seperti pengiktirafan kepada perkahwinan sejenis, maka ia adalah tuntutan yang melampau. Ini benar-benar menyalahi norma masyarakat beragama.

Sanggahan syarak terhadap perkahwinan sejenis ternyata jelas melalui ayat al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW. Perkahwinan dalam Islam merupakan ketetapan Ilahi yang mesti ditegakkan di atas dasar saling melengkapi. Tuhan menciptakan lelaki dan wanita sebagai berpasangan. Melalui perhubungan kedua-dua jantina ini manusia membiak dan berkembang secara fizikal dan emosi. Menyanggah hukum-hukum ini pasti akan membawa kepada malapetaka dan kemusnahan tamadun, hubungan seksual antara sesama jenis ditolak oleh Islam. Ia satu amalan yang menyalahi apa yang Allah mahu daripada manusia.

LGBT: APA PENDIRIAN KITA?

Mutakhir ini banyak pihak menyingung tentang LGBT apabila golongan tersebut mula menyerlahkan diri dengan mengenengahkan hak-hak mereka atas dasar hak asasi manusia. Isu LGBT ini pada hakikatnya bukan perkara baharu, ia sudah wujud sejak sekian lama. Kesalahan mengenainya juga telah termaktub dalam enakmen kesalahan jenayah Syariah Negeri-negeri. Malah tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang telah disabitkan juga telah pun dilaksanakan.

Ia muncul secara jelas apabila Kerajaan mengambil pendekatan secara "engagement" dalam menghadapi dan menangani isu LGBT ini. Langkah Kerajaan tersebut telah mengundang pelbagai tafsiran; positif dan negatif. Justeru, apabila dibincangkan secara terbuka masa kini, apa pendirian seharusnya diambil oleh kita dalam isu LGBT ini.

Siapa LGBT?

LGBT adalah singkatan daripada *Lesbian, Gay, Biseksual* dan *Transgender*. *Lesbian* adalah golongan perempuan yang tertarik (secara seksual atau romantiknya) terhadap perempuan yang lain. *Gay* pula merujuk kepada golongan lelaki yang tertarik (secara seksual atau romantiknya) terhadap lelaki yang lain. Sementara itu, *Biseksual* merujuk kepada seseorang yang tertarik (secara seksual atau romantiknya) terhadap lelaki dan perempuan. Manakala, *Transgender* pula merujuk kepada seseorang yang identiti jantina atau ekspresi jantinya berlawanan atau bertentangan dengan norma tradisi serta ciri fizikal seksualnya.

Berdasarkan huraian tersebut, ternyata golongan LGBT adalah mereka yang bukan sahaja songsang dari sudut fitrah, tetapi juga bertentangan dengan syariat. Kegiatan mereka mempunyai kaitan dengan keinginan manusia untuk merubah fitrah asal kejadian mereka kepada personaliti yang bertentangan. Ia merupakan sebahagian daripada permasalahan sosial dan wabak yang melanda dunia, termasuk Malaysia.

Gejala LGBT Tersasar Dari Islam

Cara hidup LGBT dan perjuangan mereka adalah jelas tersasar dari landasan Islam. Golongan seumpama ini telah wujud sejak dulu lagi. Al-Quran telah pun menceritakan tentang kaum Nabi Lut bahawa perbuatan mereka adalah **keji, melampaui batas dan dilaknati**. Terdapat dalil-dalil daripada al-Quran dan Hadith yang menyatakan hal ini.

Daripada Al-Quran:

Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 80-81 yang bermaksud:

"Dan Lut juga (Kami utuskan). Dan ingatlah ketika dia berkata kepada kaumnya, "Patutkah kamu melakukan perbuatan keji (homoseksual) yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun daripada penduduk alam ini sebelumnya." (QS. 7:80) Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamulah kaum yang melampaui batas. (QS. 7:81)".

Firman Allah SWT dalam surah al-Syua'ra' ayat 165-166 yang bermaksud:

"Patutkah kamu melakukan hubungan jenis sesama lelaki dalam kalangan manusia? Dan kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh Tuhan kamu daripada isteri-isteri kamu? Bahkan kamu ialah kaum yang melampaui batas".

Daripada hadith Nabi SAW:

Daripada Abu Musa al-Ash'ari r.a. berkata, Nabi SAW bersabda:

لا تبشر المرأة المرأة الا وهما زانيتان ولا يبشر الرجل الرجل الا وهما زانيتان

Maksudnya: "Tidaklah seorang wanita itu bersedap-sedapan dengan seorang wanita melainkan mereka adalah berzina, dan tidaklah seorang lelaki bersedap-sedapan dengan seorang lelaki melainkan mereka juga (sedang) berzina."

Daripada Ibn 'Abbas r.a berkata:

لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم المتشبهين من الرجال بالنساء والمتشبهات من النساء بالرجال

Maksudnya: "Rasulullah SAW melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan perempuan yang menyerupai lelaki."

Islam secara jelas menolak golongan LGBT kerana ia merupakan pelakuan songsang, yang bertentangan dengan syariat Islam dan salah satu pelakuan dosa besar. Larangan Islam terhadap gaya hidup homoseksual menunjukkan bahawa LGBT hakikatnya bukan sekadar masalah moral, sebaliknya ia mempunyai kaitan langsung dengan amalan beragama orang Islam. Perbuatan mereka ternyata keji, melampaui batas dan dilaknati.

LGBT: Sasaran Dakwah

Jika kita mengetahui bahawa gejala LGBT adalah masalah atau penyakit sosial, maka ianya perlu diubati, bukan menjauhi, apatah lagi membenci. Mereka adalah golongan sasar dakwah yang harus didekati. Dakwah dan ajak mereka dengan penuh kebijaksanaan supaya kembali ke pangkal jalan. Lihatlah mereka dari sudut positif dan sangkaan yang baik. Mereka mungkin terjebak lama hingga sukar jika bersendirian untuk keluar dari kelompok tersebut. Mereka mungkin mengharap ada golongan yang membantu, jika kena caranya. Jika mereka dibenci, bukan sahaja akan sukar untuk mereka kembali, malah akan menjarakkan diri dan terus bergelung dengan dunia LGBT.

Mengenakan tindakan keras terhadap golongan LGBT bukan jalan terbaik untuk menyedarkan mereka. Pendekatan secara berhikmah perlu didahului, antaranya ialah usaha mendekati mereka, berdialog, memberi kefahaman Islam yang sebenar dan memberi hak asasi sama seperti rakyat Malaysia lain. Dalam masa yang sama aktiviti mereka yang menyalahi fitrah dan agama mesti disekat, tidak dibiarkan, jauh sekali mempromosikannya.

Gejala LGBT ini perlu diperjelaskan melalui perspektif agama. Golongan berkenaan harus disantuni agar mereka dapat disedarkan bahawa perlakuan dan perjuangan mereka adalah salah. Salah dari sudut fitrah kemanusiaan dan agama. Kejahilan atau salah tafsiran terhadap kebebasan menyebabkan mereka menganggap LGBT sebagai suatu norma kehidupan serta hak kebebasan individu. Kebebasan manusia mestilah dibatasi oleh agama dan undang-undang serta peraturan yang ditetapkan demi menjaga keharmonian dan kesejahteraan hidup bermasyarakat.

Pendekatan Secara "Engagement"

Pendekatan Kerajaan secara "engagement" terhadap golongan LGBT seharusnya disambut oleh semua pihak untuk sama-sama menjayakannya. Pendekatan tersebut lebih lunak dan lebih sesuai serta membawa "rahmah".

Selain itu, sikap menghakimi (*judgemental*) dan stigma negatif terhadap golongan LGBT akan merugikan usaha dakwah dan akan mencipta jurang yang jauh antara pendakwah dan kumpulan sasar, iaitu kelompok LGBT. Pendekatan dakwah secara "engagement" bukan bermaksud menyokong perlakuan mereka, tetapi bagi memastikan agar tiada pihak yang semakin menjauhkan diri disebabkan pendekatan keras dan menghukum.

Tindakan beberapa Negeri memperuntuk dan mengagihkan zakat dengan meluaskan tafsiran asnaf al-Riqab termasuk golongan LGBT, jelas memperlihatkan bahawa golongan tersebut wajar dibantu. Mereka perlu dikeluarkan dari belunggu kemaksiatan supaya kembali ke pangkal jalan. Ia hanya boleh dilakukan secara "engagement" dan dakwah dengan penuh hikmah.

Kesimpulan: Pendirian Kita

Pendirian kita adalah selari dengan kehendak Islam. Islam secara jelas menolak LGBT dan memandangnya sebagai salah satu dosa besar kerana terdapat banyak dalil dari ayat al-Quran dan hadis yang mengeji perbuatan tersebut. Walau bagaimanapun mereka tidak harus dipinggirkan, dan perlu dijadikan sebahagian daripada sasaran dakwah yang perlu didekati dengan penuh hikmah. Menyantuni mereka dengan menggunakan pendekatan yang efektif dan pelbagai dalam proses menyampaikan nilai-nilai hidup Islam yang sebenar agar mereka kembali ke pangkal jalan; iaitu cara hidup Islam yang sebenarnya. Pendekatan secara "engagement" juga selari dengan tema Maal Hijrah 1440H, "Menyantuni Ummah Membawa Rahmah".

Wallahu A'lam.



WARTA KERAJAAN

DITERBITKAN DENGAN KUASA
GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE
 PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53

8hb Oktober 2009

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
 (NEGERI PULAU PINANG) 2004**

No. 667.

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004. Mufti Negeri Pulau Pinang atas pekenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI HUKUM WANITA MENYERUPAI LELAKI DAN SEBALIKNYA

1. Bahawa pengkid iaitu wanita yang mempunyai penampilan dan gerak laku serta memiliki kecenderungan naturi seksual seperti lelaki. Pemakaian budaya pengkid adalah haram di sisi Islam. Pengharaman ini juga meliputi orang lelaki yang mempunyai penampilan dan gerak laku menyerupai orang perempuan. Oleh yang demikian, ibu bapa serta masyarakat Islam digesa supaya memberi perhatian serius terhadap gejala ini serta menekankan pendidikan dan tunjuk ajar yang sebaik-baiknya kepada anak-anak khususnya dalam aspek berpakaian, perlakuan dan penampilan supaya gejala seumpama ini dapat dielakkan kerana ia adalah berlawanan dengan fitrah dan sunnatullah.

2. Pengharaman ini adalah berdasarkan :

(i) Hadis :

لعن النبي صلى الله عليه وسلم المخنثين من الرجال, والمترجلات من النساء

Daripada Ibn Abbas r.a berkata : "Rasulullah s.a.w. melaknat mereka yang menyerupai wanita daripada kalangan lelaki dan mereka yang menyerupai lelaki daripada kalangan wanita". (Sahih Bukhari)

(ii) Hadis :

لعن رسول الله عليه وسلم الرجل يلبس لبسة المرأة, والمرأة تلبس لبسة الرجل

Daripada Abu Hurairah r.a berkata : "Rasulullah s.a.w. telah melaknat orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan perempuan yang memakai pakaian lelaki". (Sunan Abu Daud)

Bertarikh 5 Ogos 2009

[JMN/PP/7/002 Jld. 2; PUNPP 152.100.1/2/2(1)]

DATUK HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
 Mufti Kerajaan Negeri
 Pulau Pinang

فتوی دباوه سیکشن 48

قد منجانکن کواس یخ دبریکن اولیه سو سیکشن 48 (3) دان (4) اینکن فنن دیرن اکام اسلام (نکری
فولاو فیئغ) 2004, مفتی نکری فولاو فیئغ اتس فرکنن یخ دفر توان اکوئ مبعوات فتوی سفرتی یخ دپاتاکن دالم
جدوال.

جدوال

فتوی معنای حکوم وانیا میروفتای لاکي دان سبالیقن

1. باوا فیئکید یأت وانیا یخ ممفویای فننقلین دان کرفلاکو سرتا میلیکی کچندر وغن نلوری
سیکسوال سفرتی لاکي. فمکانین بودایا فیئکید اداله حرام دسیسی اسلام. فحجرامن این جوک
ملیقوتی اورغ لاکي یخ ممفویای فننقلین دان کرفلاکو میروفتای اورغ فرمفوان. اولیه یخ دمکن,
ایوباف سرت مشارکت اسلام دکسا سفای ممیری فرهاتیان سروس ترهادف کجالا این سرتا
منکنکن فنن دیرتیکن دان تونجوق اجر یخ سبایق-بایقن کفدا اتق- اتق خصوصش دالم اسفق
برفکانین, فرلاکوان دان فننقلین سفایا کجالا سأمفما این دافت دایلقن کران ای اداله برلاوانن,
دغن فطره دان سنة الله.

2. فحجرامن این اداله برداسرکن :

i. حدیث :

لعن النبی صلی الله علیه وسلم المختنن من الرجال, والمترجلات من النساء
درقد ابن عباس رضی الله عنه بركات : " رسول الله صلی الله علیه وسلم ملعنة مریک یخ
میروفتای وانیا درقد کالغن لاکي دان مریک یخ میروفتای لاکي درقد کالغن وانیا "
(صحیح بخاری)

حدیث :

لعن رسول الله صلی الله علیه وسلم الرجل یلبس لبسة المرأة, والمرأة تلبس لبسة
الرجل

درقد ابوهریره رضی الله عنه بركات : " رسول الله صلی الله علیه وسلم تله ملعنة أورغ

لاکي یخ ماکي فکانین فرمفوان دان فرمفوان یخ ماکي فکانین لاکي. " (سنن ابوداود)

داتو* حاج حسن بن حاج أحمد

مفتی کراچان نکری فولاو فیئغ

بر تاریخ 2009 Ogos 5

[JMN/PP/7/002 Jld.2; PUNPP 152.100.1/2/2(1)]

SEJARAH GOLONGAN LGBT DALAM AL-QURAN

Jika kita mencari perkataan homoseksual atau LGBT dalam al-Quran, sudah tentu tidak akan ditemui kerana perkataan tersebut merupakan istilah baru yang diperkenalkan pada akhir abad ke-19. Tetapi kewujudan golongan LGBT ini bukanlah hal yang baru. Dalam al-Quran telah diceritakan berkenaan golongan ini. Ia telah wujud sebelum tahun Masihi lagi iaitu pada zaman Nabi Luth as. Kaum Luth adalah golongan manusia pertama yang menjadi pemacu terjadinya perbuatan tercela homoseksual yang sebelumnya tidak pernah dilakukan oleh siapa pun daripada keturunan Adam as.

Kaum Nabi Luth as yang ketika itu menetap di Kota Sadum merupakan kaum yang rosak akhlakunya. Mereka tidak mempunyai pegangan agama atau nilai kemanusiaan yang beradab. Maksiat, kemungkaran, pencurian, dan perampasan harta merajalela dalam pergaulan hidup mereka. Maksiat yang paling menonjol yang menjadi ciri khas hidup mereka adalah perbuatan homoseksual atau liwat di kalangan lelaki dan lesbian di kalangan wanita. Para Musafir yang datang melewati perkampungan mereka juga tidak selamat daripada terkena gangguan mereka. Jika para musafir datang membawa barangan berharga, maka barangan tersebut akan dirampas. Jika dia melawan, maka nyawa menjadi taruhannya. Akan tetapi, jika pendatang itu adalah seorang lelaki berwajah tampan dan berparas elok, maka dia akan menjadi rebutan di kalangan laki-laki daripada mereka dan akan menjadi korban perbuatan keji para lelakinya dan begitu pula sebaliknya.

Dalam al-Quran, Allah SWT merakamkan sejarah perilaku kaum Nabi Luth as secara lengkap dalam beberapa ayat dan surah. Mereka itu adalah manusia yang tidak tahu malu, bahkan tidak suka diberi nasihat. Ketika mereka diberi nasihat dan dipertakutkan dengan seksaan Allah SWT, mereka menjawab dengan angkuh dan penuh kesombongan: "Datangkanlah seksaan Allah itu, hai Luth, jika sekiranya kamu orang yang benar". Ini dirakamkan dalam maksud firman Allah SWT:

"Dan (ingatkanlah peristiwa) Nabi Luth tatkala dia berkata kepada kaumnya:

Sesungguhnya kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun daripada penduduk alam ini sebelum kamu. Patutkah kamu mendatangi orang lelaki (untuk memuaskan nafsu syahwat kamu)? Dan kamu memotong jalan lalu-lalang (untuk tujuan jahat kamu)? Dan kamu pula melakukan perbuatan yang mungkar di tempat-tempat perhimpunan kamu?

Maka kaumnya tidak menjawab selain daripada berkata (secara mengejek-ejek): Datangkanlah kepada kami azab daripada Allah (yang engkau janjikan itu) jika betul engkau daripada orang-orang yang benar." [Surah al-Ankabut: 28-29]

Dalam lingkaran kisah sejarah tersebut, dikisahkan bahawa Nabi Luth as telah didatangi oleh tetamu di kalangan para malaikat Allah SWT yang menyamar sebagai manusia. Tujuan kedatangan mereka adalah untuk memaklumkan kepada beliau bahawa Allah SWT akan menimpakan azab terhadap kaumnya itu disebabkan lakuan mereka yang menyalahi tab'i dan fitrah manusiawi. Firman Allah SWT:

Maka apabila (malaikat-malaikat) utusan itu datang kepada kaum Nabi. Nabi Lut berkata: Sesungguhnya kamu suatu kaum yang tidak dikenali (serta tidak diketahui baiknya kedatangan kamu). Mereka menjawab: (Kedatangan kami bukan untuk mendukacitakanmu) bahkan kami datang kepadamu untuk membawa azab yang mereka ragu-ragukan kebenarannya. Juga membawa kepadamu perkara yang benar (tentang kebinasaan mereka) dan sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar. Oleh itu, bawalah pergi keluargamu pada waktu malam serta ikutlah di belakang mereka dan janganlah seseorang pun di antara kamu berpaling (ke belakang); serta pergilah terus ke arah yang diperintahkan kamu menjunnya. Dan Kami wahyukan kepadanya tentang kesudahan perkara itu; iaitu mereka akan dibinasakan pada waktu pagi, sehingga mereka punah ranah dan terputus keturunannya. [Surah al-Hijr: 61-66]

Allah SWT mentakdirkan rupa paras tetamu yang menziarahi Nabi Luth itu dalam keadaan kacak dan tampan, ternyata telah menarik perhatian kaum Sadum. Lantas Nabi Luth menegur mereka sebagaimana yang diceritakan dalam al-Quran tentang keadaan ini dalam surah Hud ayat 77-78 yang bermaksud:

Dan apabila datang utusan Kami kepada Nabi Lut, ia merasa dukacita dengan kedatangan mereka dan merasa tidak berdaya untuk mengawal mereka (dari gangguan kaumnya), sambil berkata: Ini adalah hari yang amat mencemaskan. Dan kaumnya pun datang meluru kepadanya (dengan tujuan hendak mengganggu tetamunya), sedang mereka sebelum itu sudah biasa melakukan kejahatan. Nabi Lut berkata: *Wahai kaumku! Di sini ada anak-anak perempuanku, mereka lebih suci bagimu (maka berkahwinlah dengan mereka). Oleh itu, takutlah kamu kepada Allah, dan janganlah kamu memberi malu kepadaku mengenai tetamu-tetamuku. Tidakkah ada di antara kamu seorang lelaki yang bijak berakal (yang dapat memberi nasihat)? [Surah Hud: 77-78].*

Sebagai usaha menyedarkan mereka, peringatan demi peringatan secara lisan telah pun dilakukan oleh Nabi Luth as. Bahkan, beliau bersedia menyediakan puteri-puterinya kepada mereka untuk dinikahi, sebagaimana manusia normal.

Tapi, usaha yang dilakukan itu menjadi sia-sia disebabkan mereka menolak tawaran tersebut, bahkan mencaci-maki beliau serta keluarga dan kaumnya yang taat, malahan mereka juga diusir dari kampung halaman. Kisah ini terakam dalam surah Hud ayat 79 yang bermaksud :

Mereka menjawab: Sesungguhnya engkau telahpun mengetahui bahawa kami tidak ada sebarang hajat kepada anak-anak perempuanmu, dan sebenarnya engkau sedia mengetahui akan apa yang kami kehendaki. [Surah Hud: 79].

Firman Allah SWT lagi yang bermaksud:

Dan Nabi Lut ketika itu berkata kepada kaumnya: Patutkah kamu melakukan perbuatan keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun di dunia ini? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsumu bukan kepada wanita, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas. Dan tiada jawab dari kaumnya selain berkata: Usirlah mereka dari bandar kamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang yang (mendakwa) mensucikan diri. [Surah al-A'raf: 80-82]

Itulah secebis kisah sejarah bangsa Sadum yang melakukan perilaku seks songsang yang pertama di muka bumi ini. Rakaman sejarah tersebut, menjadi bukti bahawa homoseksual adalah sebahagian daripada penyakit sosial yang dibenci oleh Allah SAW dan para Nabi. Malah sikap golongan ini yang nampak lembut pada luaran tetapi memiliki hati yang keras untuk menerima teguran dan peringatan menjadikan mereka golongan yang sukar untuk didakwahkan.

Apa yang perlu dilakukan ialah mengekang nafsu mereka daripada terus menerus mengikut kemahuan yang songsang itu melalui penguatkuasaan undang-undang dengan mengasingkan mereka seketika sehingga mampu memulihkan kembali fikiran mereka kepada keinginan yang normal dan fitnah manusiawi yang sebenar. Bahkan itulah cara terbaik untuk mengekang hawa nafsu songsang, sebagaimana yang dapat difahami dan dirasai melalui tarbiah Allah SWT dalam ibadah puasa Ramadan. Natijahnya, ia mampu untuk melahirkan insan bertakwa yang memiliki ciri-ciri ketahanan diri daripada segala kehendak nafsu yang buruk. Namun yang terlebih penting ialah kesedaran yang mendalam, khususnya terhadap insan-insan yang terlibat untuk bertaubat dan tidak meletakkan kehendak nafsu mengatasi akal dan peraturan yang telah ditetapkan Allah SWT melalui syariat-Nya yang wajib dipatuhi.

Wallahu'Alam.

TEORI FAJAR KAZIB

Fajar itu ada dua macam. **Pertama**, fajar yang mengharamkan makan dan menghalalkan solat. **Kedua**, fajar yang mengharamkan solat dan menghalalkan makan. (Hadis Riwayat Ibnu Khuzaimah dan Al-Hakim).

Ibnu Katsir r.a berkata, *Abdurrazzaq berkata, kami diberitahu oleh Juraij bin Atha, dia berkata, Aku mendengar Ibnu Abbas berkata: "Ada dua fajar. Fajar yang cahayanya membentang di langit, tidak mengakibatkan penghalalan dan pengharaman apapun (baik makan mahupun minum). Akan tetapi fajar yang terlihat terang di puncak gunung, itu yang mengharamkan minuman (bagi yang berpuasa)". Atha berkata: "Fajar yang membentang di langit – dan bentangnya itu akan hilang- maka itu tidak diharamkan minuman bagi yang berpuasa tidak juga solat, tidak terlewatkan haji (masih sah wukuf). Akan tetapi kalau yang menyebar di puncak gunung, diharamkan minuman bagi yang berpuasa dan terlewatkan haji".* Sanadnya sahih sampai ke Ibnu Abbas dan Atha. Begitu juga yang diriwayatkan bukan hanya satu dari kalangan ulama salaf r.a. (Tafsir Ibnu Katsir, 1/516).

Sabda Rasulullah SAW:

الفجر فجران: فأما الفجر الذي يكون كذب السرحان فلا يجزئ الصلاة ولا يجرم الطعام وأما الفجر الذي يذهب مستطيلاً في الأفق فإنه يجزئ الصلاة و يجرم الطعام.

Maksudnya : Fajar itu ada dua: (a) Adapun fajar yang seperti ekor serigala (yakni fajar kazib yang arahnya tegak meninggi), maka saat itu tidak boleh solat (Subuh) dan dibolehkan makan. (b) Adapun fajar yang bentuknya memanjang datar di ufuk (yakni fajar sadiq), maka saat itu dibolehkan solat (Subuh) dan diharamkan makan (bagi yang berpuasa). (Hadis Riwayat Hakim dan yang lainnya, disahihkan oleh Albani).

Fajar kazib dipercayai terbit dari mekanisma yang berlainan daripada fajar sadiq. Fajar sadiq ialah fenomena atmosfera bumi sementara fajar kazib adalah fenomena luar bumi. Ia dikaitkan dengan cahaya zodiak, cahaya yang datang dari satah ekliptik, iaitu satah orbit planet-planet. Ia merupakan cahaya pantulan dari habuk yang bertaburan dalam ruang di antara planet. Bagi hemisfera Utara cahaya zodiak ketara pada musim luruh sebelum waktu fajar sementara pada musim bunga ia ketara selepas waktu isyak.

Oleh itu fajar kazib tidak sentiasa mengiringi fajar sadiq. Fajar kazib mempunyai ciri kecerahan yang tetap. Sparrow & Ney (1973) telah menjalankan cerapan 4 tahun melalui satelit OSO-5 (*Orbiting Solar Observatory-5*) dan mendapati kecerahan cahaya zodiak ini tidak berubah dengan masa.

Bagi pencerap di bumi perubahan yang nampak pada kecerahan fajar kazib timbul dari kesan tempatan seperti atmosfera. Disebabkan ini, cahaya fajar kazib sesuai dijadikan sebagai cahaya rujukan bagi menilai waktu bermulanya fajar sadiq.

Oleh kerana cahaya fajar kazib dapat dilihat dan dikenal pasti, maka cahaya fajar sadiq hendaklah paling kurang sama cerah dengan cahaya fajar kazib, atau melebihinya sehingga cahaya fajar sadiq menenggelamkan cahaya fajar kazib. Adakah penentuan terbit fajar sadiq untuk memulakan puasa adalah lebih ketat dan rapi berbanding fajar sadiq untuk solat fajar, terutamanya bagi mazhab Shafie?

Apakah kaitannya perkara ini dengan waktu imsak? Jika cahaya fajar sadiq belum kelihatan, langsung bagaimana seseorang yang tiada alatan seperti sebuah jam dapat mengetahui sudah tiba waktu imsak untuk berhenti makan dan minum? Hal ini mengisyaratkan bahawa pada waktu imsak itu sudah wujud sedikit cahaya malap fajar sadiq, melambangkan ia mengambil syarat yang lebih awal (longgar) berbanding dengan syarat kecerahan fajar sadiq untuk mula solat fajar.

Waktu imsak (dan tempohnya sehingga mula waktu fajar) boleh dilihat sebagai langkah mendapatkan kepastian untuk menunaikan solat fajar. Ia membawa implikasi bahawa waktu fajar bukanlah waktu terawal kelihatan sinar fajar tetapi waktu sinar fajar yang lebih ketara atau lebih pasti. Di sini kami cenderung mengambil tahap kecerahan cahaya fajar sadiq hendaklah melebihi kecerahan cahaya fajar kazib, jika ia kelihatan.

Jika fajar kazib tidak kelihatan, nilai kuantitatif kecerahan fajar kazib semasa ia kelihatan dapat diukur dan dijadikan kayu pengukur kuantitatif kecerahan yang perlu dicapai oleh cahaya fajar sadiq untuk menandakan masuk waktu solat fajar. Hal ini membantu menghalusi syarat astronomi (sudut altitud pusat matahari) bagi permulaan waktu solat fajar.

PERBEZAAN FAJAR SADIQ DENGAN FAJAR KAZIB





Mesyuarat Jawatankuasa Falak Negeri Pulau Pinang Bil.1/2018
TH Hotel, Bayan Lepas, Pulau Pinang
3 Mei 2018



Seminar Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang
TH Hotel, Bayan Lepas, Pulau Pinang
12 Mei 2018



Majlis Bersama TKM 1 Y.B Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman merangkap Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat Negeri Pulau Pinang ke Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.
4 Jun 2018



Majlis Cerapan Hilal Rasmi Ramadan 1439H
Pusat Falak Sheikh Tahir, Pulau Pinang.
15 Mei 2018



Modul 1 - Siri Pengajian Sijil Asas Falak Pulau Pinang 2018 (Modul 1: Pengenalan Ilmu Falak)
Majid Jamek Seberang Jaya, Pulau Pinang.
24 Jun 2018



Daurah Kitab Sifat 20
SMK Sri Muda, Penaga, SPU
25 - 26 Jun 2018



Bengkel Sistem eFatwa
Bilik Latihan ICT (Siber), KOMTAR
3 Julai 2018



Bengkel Penulisan 2018
Bilik Latihan ICT (Siber), KOMTAR
12 Julai 2018



Program Mimbar Mufti
Masjid Al-Ihsaniah, Simpang Empat, Pulau Pinang
13 Julai 2018



Program Falak On The Street (FOS) Siri 1/2018
Pusat Kecemerlangan As-Syafie, Kepala Batas
16 Julai 2018



Muzakarah Kepimpinan Pengurusan Masjid dan Hal Ehwal Kariah 2018 Peringkat Negeri Pulau Pinang
Inst. Latihan Perindustrian, Kepala Batas
28 Julai 2018



Seminar Hukum Islam Semasa 2018: Ikhtilaf Dalam Kerjaya
Dewan Besar,UiTM Cawangan Pulau Pinang
7 Ogos 2018



Bengkel Sistem Aplikasi myPunch, STEP dan Sistem Keratan Akhbar
Bilik Latihan ICT (Millenium), KOMTAR
9 Ogos 2018



Munaqasyah Fiqh Falak Kebangsaan 2018
TH Hotel, Pulau Pinang
14 - 16 Ogos 2018



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2018
Pen Mutiara Hotel & Restoran, Batu Maung
29 dan 30 Ogos 2018



Bengkel Falak (Tongkat Istiwa)
Sekolah Kebangsaan Bayan Lepas, Pulau Pinang
5 September 2018



Penentuan & Pengesahan Arah Kiblat
Tapak Surau IKEA Batu Kawan, Pulau Pinang
20 September 2018



Daurah Kitab Al Ashbah wa An Nazhoir
Pusat Islam, UiTM Pulau Pinang
26 - 27 September 2018



Booth pameranJMNPP: Karnival Check-in Masjid
Pusat Islam, UiTM Pulau Pinang
2 - 4 Oktober 2018



Bengkel Kerja Pemuliharaan Manuskrip Zon Utara
Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang
8 - 10 Oktober 2018



Program Kem Falak Junior 2018
Pusat Kokurikulum Pulau Pinang
15 - 16 Oktober 2018



Lawatan oleh kakitangan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Perpustakaan Negeri Pulau Pinang di Seberang Jaya
16 Oktober 2018



Bengkel Pengaplikasian Media Elektronik dalam Penyebaran Irsyad Hukum dan Fatwa
Jabatan Mufti Negeri Selangor
7 November 2018



Majlis Penyempurnaan Kajian & Penyerahan Modul Latihan & Bimbingan Pelaksanaan Ibadat Solat Untuk Operator Kren Surau Terapung, Penang Port, Butterworth
30 November 2018

NOVEMBER

03
NOV. 2018

MAJLIS PENYEMPURNAAN KAJIAN & PENYERAHAN MODUL LATIHAN & BIMBINGAN PELAKSANAAN IBADAH SOLAT UNTUK OPERATOR KREN PENANG PORT SERTA PELANCARAN PROGRAM LATIHAN
Lokasi : Surau Terapung, Penang Port, Butterworth

14
NOV. 2018

PROGRAM TAFALAH FALAK PERDANA SIRI 3/2018
Lokasi : Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas, Pulau Pinang

16
NOV. 2018

KULIAH TAFALAH BULANAN SIRI 10/2018
Lokasi : Pusat Islam UiTM Permatang Pauh, Pulau Pinang

16
NOV. 2018

FALAK ON THE STREET SIRI 6/2018
Lokasi : Padang Kota Lama, Pulau Pinang

23
NOV. 2018

PROGRAM FALAK PADA HARI PENILAIAN AKHIR ANUGERAH SURAU IMARAH SEKOLAH-SEKOLAH (ASISS) KPM-BANK ISLAM PERINGKAT KEBANGSAAN
Lokasi : Musollah RaudhahAs-Sakinah, Sekolah Kebangsaan Bayan Lepas, Pulau Pinang

OKTOBER

22
OKT. 2018

DAURAH KITAB AL-ASYBAH WAN AN-NADHOIR DAN KITAB PENAWAR BAGI HATI
Lokasi : Pusat Islam, UiTM Pulau Pinang

19
OKT. 2018

TAKLIMAT FALAK, BENGKEL KIBLAT DAN CERAPAN LANGIT SEMPENA PROGRAM PERKHEMAMAN ALAM BINTANG PELAJAR TAHUN 6
Lokasi : SK Telok Air Tawar, Butterworth, Pulau Pinang

09
OKT. 2018

DISKUSI PELANTIKAN HAKIM SYARIE WANITA DI MAHKAMAH SYARIAH
Lokasi : Sunway Hotel Seberang Jaya, Pulau Pinang

02-04
OKT. 2018

PAMERAN JMNPP SEMPENA KARNIVAL "CHECK IN MASJID"
Lokasi : Pusat Islam, UiTM Pulau Pinang

SEPTEMBER

26-27
SEP. 2018

DAURAH KITAB AL-ASYBAH WAN AN-NADHOIR DAN PENAWAR KITAB BAGI HATI
Lokasi : Pusat Islam, UiTM Pulau Pinang

25
SEP. 2018

BENGKEL PENENTUAN ARAH KIBLAT
Lokasi : Masjid Saidina Ali, Batalion 2, Pasukan Gerakan Am (PGA), Kulim

22
SEP. 2018

FALAK ON THE STREET (FOS) SIRI 5/2018
Lokasi : Masjid Jamek Simpang Empat, Permatang Buluh, Pulau Pinang

21
SEP. 2018

FALAK ON THE STREET (FOS) SIRI 4/2018: MENYANTUNI & MEGEDARKAN TAKWIM HIJRIAH 1440H & JADUAL WAKTU SOLAT PULAU PINANG
Lokasi : Plaza Tol Bagan Ajam Lebuhraya Lingkaran Luar Buttworth

13
SEP. 2018

TAKLIMAT FALAK & PENENTUAN ARAH KIBLAT SEMPENA SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1440H
Lokasi : Sekolah Kebangsaan Seri Permai

11
SEP. 2018

FALAK ON THE STREET (FOS) SIRI 3/2018: MENYANTUNI BAYI-BAYI TAHUN BARU HIJRIAH 1 MUHARAM 1440H
Lokasi : Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang

05
SEP. 2018

BENGKEL FALAK (TONGKAT ISTIWA)
Lokasi : Sekolah Kebangsaan Bayan Lepas, Pulau Pinang



Program Falak Pada Hari Penilaian Akhir Anugerah Surau Imarah Sekolah-Sekolah (ASISS) KPM-Bank Islam Peringkat Kebangsaan



Pameran Falak



FOS Siri 42018 Menyantuni & Mengedarkan Takwim Hijriah 1440H & Jadual Waktu Solat Pulau Pinang-Plaza Tol Bagan Ajam Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth-21-9-2018



FOS Siri 32018 Menyantuni Bayi-Bayi Tahun Baru Hijriah 1 Muharam 1440H. JMNPP-Hospital Kepala Batas-11-9-2018



Program Tranformasi Pelabuhan dalam mencapai Kecemerlangan Budaya Kerja dan Peningkatan Pengetahuan

OGOS

- 31**
OGOS 2018 **FALAK ON THE STREET (FOS) SIRI 2/2018 SEMPENA PROGRAM KARNIVAL MERDEKA**
Lokasi : Masjid Jamek Pajak Song, Pulau Pinang

- 29-30**
OGOS 2018 **MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PULAU PINANG**
Lokasi : Pen Mutiara Hotel & Restoran Batu Maung

- 27**
OGOS 2018 **PROGRAM BENGKEL FALAK BAGI MODUL PENENTUAN ARAH KIBLAT**
Lokasi : SMK Tinggi Bukit Mertajam, Pulau Pinang

- 11**
OGOS 2018 **PROGRAM SELAMATKAN ZURIAT KITA SIRI 1**
Lokasi : Masjid Daerah Barat Daya, Pulau Pinang

- 09**
OGOS 2018 **BENGKEL SISTEM APLIKASI MYPUNCH, STEP DAN SISTEM KERATAN AKHBAR**
Lokasi : Bilik Latihan ICT (Millenium), Tingkat 24, KOMTAR

JULAI

- 28**
JUL 2018 **MUZAKARAH KEPIMPINAN PENGURUSAN MASJID DAN HAL EHWAL KARIAH 2018 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**
Lokasi : Institut Latihan Perindustrian, Kepala Batas, Pulau Pinang

- 18**
JUL 2018 **PROGRAM TAFALAHU ILMU FALAK SIRI 2/2018**
Lokasi : Auditorium MPSP, Bandar Perda, Pulau Pinang

- 16**
JUL 2018 **FALAK ON THE STREET (FOS) SIRI 1/2018 SEMPENA PERISTIWA ISTIWA' A'DZAM**
Lokasi : Pusat Kecemerlangan As-Syafie, Kepala Batas, Pulau Pinang

- 12**
JUL 2018 **BENGKEL PENULISAN BERITA, ARTIKEL DAN RENCANA**
Lokasi : Bilik Latihan ICT (Siber), Tingkat 24, KOMTAR

- 03**
JUL 2018 **BENGKEL SISTEM E-FATWA**
Lokasi : Bilik Latihan ICT (Siber), Tingkat 24, KOMTAR

JUN

- 25-26**
JUN 2018 **DAURAH KITAB SIFAT 20**
Dewan Dato' Haji Hasan bin Noh, SMK Sri Muda, Penaga, SPU



Taklimat Falak & Penentuan Arah Kiblat sempena Sambutan Maal Hijrah 1440H



Taklimat Falak, Bengkel Kiblat dan Cerapan Langit



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang



Peserta Kem Sains



Peserta Program Tafalahu Falak Perdana

PENENTUAN DAN PENGESAHAN ARAH KIBLAT

- | | | | | | |
|-----------------------|---|------------------------|---|------------------------|--|
| 05
JUN 2018 | SK Tasek Permai | 12
JUL 2018 | Bank Simpanan Nasional, Jalan Macalister | 18
OKT. 2018 | M Summit 191 Executive Suites Penang |
| 06
JUN 2018 | Tapak Surau Kampung Pinang Tunggal Tepi Sungai, Kepala Batas | 17
JUL 2018 | Surau Pusat Islam & Bangunan Laman Perdana UiTM Permatan Pauh | 25
OKT. 2018 | Surau P1 & P2 Lumileds Malaysia Sdn. Bhd. |
| 06
JUN 2018 | Surau Ar-Rahman, rejimen Kedua Kor Tentera Diraja, Kem Sungai Ara | 19
SEP. 2018 | Surau Jabil Circuit Sdn Bhd (Plant 5, Bayan Lepas) | 30
OKT. 2018 | Tapak Surau Pendidikan Tahfiz Sains dan Teknologi Pulau Pinang, Jln. Tun Hamdan Sheikh Tahir |
| 11
JUN 2018 | Caltex Penaga | 20
SEP. 2018 | Tapak Surau IKEA Batu Kawan | 08
NOV. 2018 | Penang Port, Butterworth |
| 26
JUN 2018 | DELL Global Business Center | 03
OKT. 2018 | Petronas Cherok Tok Kun | 15
NOV. 2018 | Surau Kakitangan Bahagian Sumber Manusia PPSUK, Tingkat 45, KOMTAR |
| 05
JUL 2018 | Surau al-Aqsa, Taman Panchor Indah, SPS | 03
OKT. 2018 | Tesco Jelutong, Pulau Pinang | 22
NOV. 2018 | Surau PK Agro Industrial (M) Sdn Bhd, Mak mandin, Butterworth |
| 11
JUL 2018 | Dewan Masyarakat MBPP Lintang Minden, Gelugor | | | | |

HILAL SYAWAL 1439H CATAT REKOD BARU JMNPP

Balik Pulau, 14 Jun – Sehari sebelum kedatangan Hari Raya Aidilfitri bersamaan 29 Ramadan 1439H, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang sebagaimana kelazimannya telah melaksanakan Majlis Cerapan Rasmi Hilal Syawal 1439H bertempat di Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Aceh, Pulau Pinang.

Ini merupakan tugas bulanan Jabatan untuk menentukan permulaan awal bulan Islam hijriah yang utama terutama Ramadan, Syawal dan Zulhijjah. Program ini diketuai oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kakitangan Bahagian Falak.

Menurut Ketua Bahagian Falak, Muhammad Haniff Baderun satu rekod baru telah tercipta apabila aktiviti cerapan tersebut telah berjaya mencerap hilal (anak bulan) yang berusia dalam lingkungan 16 jam.

Menurutnya lagi, kebiasaannya aktiviti cerapan hanya berjaya mencerapkan umur hilal dalam lingkungan 20 jam dan ke atas. Keadaan ini membuatkan hasil cerapan kali ini luar daripada kebiasaannya.

Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim; Yang DiPertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), YB Tuan Zolkiply Lazim; ADUN Teluk Bahang, Ahli Jawatankuasa Rukyah/Melihat Anak Bulan Pulau Pinang dan pertubuhan bukan kerajaan yang dikenali sebagai MYKUT.

Para pengunjung turut didedahkan dengan Taklimat Sistem Kalendar/Takwim Hijriah oleh Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Aziz selaku Ahli Jawatankuasa Rukyah/Melihat Anak Bulan Pulau Pinang.



Pengisytiharan Hilal Syawal 1439H oleh S.S Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor



AJK Rukyah dan para pengunjung mendengar Taklimat Cerapan Hilal Syawal 1439H



Peserta Seminar Hukum Islam-Ikhtilat



Seminar Ikhtilat

SEMINAR HUKUM ISLAM SEMASA 2018

Permatang Pauh, 7 Ogos – Seminar Hukum Islam Semasa 2018: Ikhtilat Dalam Kerjaya Antara Realiti & Hukum telah berlangsung di UiTM Cawangan Pulau Pinang. Seminar ini merupakan anjuran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Unit Hal Ehwat Islam UiTM Cawangan Pulau Pinang dan Jabatan Pendidikan Pulau Pinang.

Perasmian seminar disempurnakan oleh YBhg. Dr. Nor Aziyah binti Bakhari, Timbalan Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang. Program bertujuan memberi maklumat dan penjelasan dan kupasan asas-asas kepada masyarakat berkaitan hukum ikhtilat.

Sebanyak dua (2) kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar tersebut iaitu :-

- 1 Ikhtilat Menurut Islam: Realiti & Hukum oleh Dr. Akli bin Ahmad dari Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).
- 2 Ikhtilat Tanggungjawab Wanita: Antara Kerjaya & Keluarga: Isu Dan Penyelesaian oleh Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail dari Universiti Malaya.

Menurut Dr. Akli bin Ahmad, prinsip ikhtilat yang diharuskan adalah berasaskan kepada keperluan (hajat), namun ianya adalah terbatas dan bersyarat. Ia bermaksud sekiranya tidak berlakuk percampuran antara lelaki dan wanita yang bukan mahram, ia pasti akan menyulitkan proses kehidupan mereka.

Seminar satu hari tersebut dimeriahkan lagi dengan pengisian slot *Munaqasyah 'Ilm* yang bertajuk 'Berkatlah Rezeki Ku' di sebelah petang oleh dua pembentang kertas kerja tersebut dan moderatornya Dr. Mohd Hafiz bin Mahaiyadin dari Universiti Teknologi Mara.

MUNAQASYAH FIQH/FALAK KEBANGSAAN 2018

Bayan Lepas, 16 Ogos – Munaqasyah Fiqh Falak Kebangsaan 2018 telah diadakan yang bertempat di Tabung Haji Hotel, Pulau Pinang. Program dwi tahunan ini merupakan anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri-negeri.

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang telah dipilih sebagai penganjur bersama untuk program tersebut. Program yang berlangsung selama tiga (3) hari ini yang bermula pada 14 Ogos telah disertai oleh perwakilan dari 13 buah negeri.

Munaqasyah Fiqh Falak ini merupakan platform kepada para pegawai di Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri-negeri bagi membincangkan dan menyelaraskan isu-isu syariah berkaitan falak.

Sepanjang tempoh program tersebut sebanyak empat (4) kertas kerja telah dibentangkan antaranya ialah: -

- 1 Penyelarasan Nama Bulan Takwin Hijri oleh Ustaz Mohd Hardi bin Haji Sadali dari Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- 2 Rentasan Sejarah Suleymania oleh Encik Nor Azam bin Mat Noor.
- 3 Kajian Fajar: Perbandingan Awal Fajar oleh Prof Madya Dr. Abdul Halim bin Abdul Aziz dari Universiti Sains Malaysia.
- 4 Waktu-waktu Yang Diharamkan Solat oleh Dr. Saadan bin Man dari Universiti Malaya.

Munaqasyah tersebut dimeriahkan lagi dengan pengisian slot wacana ilmiah yang bertajuk 'Hubungan Mutlak Dengan Jarak Qasar Dari Sudut Falak' dengan pembentang terdiri dari Tuan Haji Hanafiah bin Abdul Razak dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Dr. Saadan bin Man dari Universiti Malaya.

Sepuluh (10) resolusi telah dirumuskan sebagai tindakan susulan hasil dari Munaqasyah yang diadakan. Majlis Penutup Munaqasyah disempurnakan oleh Tuan Hj. Aziz bin Mohamad, Pengarah Bahagian Penyelarasan Undang-undang dari JAKIM mewakili Ketua Pengarah JAKIM.



Munaqasyah Fiqh Falak Kebangsaan 2018
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
14 hingga 16 Ogos 2018M bersamaan 2 hingga 4 Zulhijjah 1439H
TH Hotel, Pulau Pinang



Munaqasyah Fiqh Falak Kebangsaan 2018
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
14 hingga 16 Ogos 2018M bersamaan 2 hingga 4 Zulhijjah 1439H
TH Hotel, Pulau Pinang

Munaqasyah Fiqh Falak Kebangsaan 2018

ISTIBDAL HARTA WAKAF SATU KAJIAN HUKUM

Johor Bahru, 17 Okt. –Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.5/2018 telah diadakan pada 14 hingga 17 Oktober 2018 bertempat di Masjid Kota Iskandar, Johor Bahru. Seiringan dengan mesyuarat tersebut turut dilaksanakan Kajian Lapangan Fatwa Dan Hukum Berkaitan Harta Wakaf.

Program yang berlangsung selama empat (4) hari ini bertujuan membuat kajian lapangan hukum terhadap istibdal harta wakaf berdasarkan pengalaman Majlis Agama Islam Johor (MAIJ). Di samping itu juga, mempelajari dengan lebih dekat isu-isu yang timbul dalam pelaksanaan hukum istibdal harta wakaf dan pengembangan manfaat dari sudut syarak.

Selain itu, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang juga telah diberikan kesempatan mengadakan perbincangan bersama Majlis Ugama Islam Singapura bagi mendapatkan pandangan hukum dan hasil dapatan kajian berkaitan isu istibdal harta wakaf di Singapura.

Semasa sesi kajian di Singapura, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang turut diberikan peluang menjalankan kajian di Masjid Temenggung Daeng Ibrahim, Teluk Belangah, Singapura. Taklimat diberikan oleh wakil WAREES dan Imam Masjid Temenggung Daeng Ibrahim berkaitan isu tersebut.

Program ini merupakan anjuran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kementerian Luar Negeri Malaysia, Majlis Ugama Islam Singapura, Pejabat Mufti Singapura, Majlis Agama Islam Johor, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Mufti Negeri Johor.

Kajian ini juga turut disertai oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman.



Kajian lapangan Fatwa dan Hukum Berkaitan Harta Wakaf di Singapura-15-10-2018- Majlis Ugama Islam Singapura



Pertemuan dengan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor

PEMULIHARAAN: RESTORASI TERBAIK MANUSKRIP

Kuala Lumpur, 8 Nov. – Satu perbincangan bersama antara Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang telah diadakan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Perbincangan ini merupakan susulan Bengkel Pemuliharaan Manuskrip Zon Utara yang berlangsung pada 8 hingga 10 Oktober yang lalu.

Program ini bertujuan bagi mendapatkan bantuan kepakaran pemuliharaan manuskrip dan koleksi nadir Jabatan dalam usaha memastikan kaedah restorasi terbaik untuk manuskrip. Program ini diketuai oleh Tuan Haji Shaharuddin bin Hj. Ismail selaku Ketua Seksyen Pemeliharaan Dan Reprografi, Arkib Negara Malaysia.

Menurut beliau, proses memulihara dan membaikpulih bahan nadir dan manuskrip bertujuan untuk memanjangkan tempoh hayat dan keadaan fizikal bahan. Katanya lagi, terdapat beberapa proses kerja dalam pemuliharaan manuskrip ini antaranya adalah pewasapan, pembersihan, penyahsidan, pemuliharaan, pembaikan tisu dan kotak peyimpanan manuskrip bebas asid.

Arkib Negara Malaysia juga bersedia untuk membantu Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dari pelbagai sudut dalam proses pemuliharaan manuskrip ini agar bahan tersebut tidak pupus dan hilang. Jalinan kerjasama antara kedua-dua Jabatan ini mungkin boleh diwujudkan dalam usaha ke arah mencapai matlamat tersebut.



Penerangan Proses - Kaedah Pemuliharaan Manuskrip



Bahan-Bahan Bagi Pemuliharaan Manuskrip



Kakitangan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Bergambar Bersama Kakitangan Arkib Negara Malaysia

BUKU-BUKU TERBITAN



Akhbar Berita Harian (Online) Jumaat, 2 Mac 2018

KERATAN AKHBAR

TUAN HAJI ABDULLAH BIN ISMAIL (1961-1964)


LATAR BELAKANG

Tuan Haji Abdullah bin Ismail ialah Mufti Pulau Pinang yang kedua. Beliau lebih dikenali dengan gelaran Abdullah Sanap di kalangan sahabat-sahabatnya ketika menuntut di Mekah kerana untuk membezakan beliau dengan sahabat-sahabat lain yang bernama Abdullah.

Gelaran Abdullah Sanap juga disebabkan beliau mempunyai janggut yang agak sedikit berbanding sahabat-sahabat yang lain kerana perkataan 'sanap' dikatakan bermaksud janggut. Tahun 1883 merupakan tahun kelahiran Almarhum Tuan Haji Abdullah bin Ismail.

Beliau telah mendirikan rumah tangga sewaktu belajar di Mekah dengan pasangan hatinya Puan Sofiah binti Ismail. Hasil daripada perkahwinan, mereka berdua telah dikurniakan enam (6) cahaya mata.

Dua orang daripada anak beliau telah meninggal dunia iaitu Hajah Rokiah ketika berumur 87 tahun dan anak yang keempat Adnan ketika berusia 2 tahun. Anak kedua Hajah Halimah berumur 83 tahun, anak yang ketiga Haji Ahmad berumur 77 tahun, anak yang kelima Hajah Hamidah dan anak yang terakhir Haji Ismail berumur 68 tahun.



PENDIDIKAN

Tuan Haji Abdullah bin Ismail telah menuntut ilmu agama sejak dari kecil lagi di pondok Padang Lalang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang sebelum menyambung pelajaran ke Mekah sehingga menjadi tenaga pengajar di sana hampir 15 tahun.

SUMBANGAN

Tuan Haji Abdullah bin Ismail telah dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang selama tiga (3) tahun dari tahun 1961 hingga 1964.

“Pada asalnya beliau menolak tawaran untuk menjadi Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tetapi hasil pujukan dan nasihat Tuan Haji Ahmad Maliki, iaitu qadhi besar pada waktu itu, beliau menerima jawatan tersebut.”

Tuan Haji Abdullah bin Ismail (Abdullah Sanap) meninggal dunia pada tahun 1968 ketika umurnya 85 tahun. Isterinya turut dijemput Illahi ketika usia isterinya menjangkau 87 tahun pada 2 Mei 1995 setelah 27 tahun pemergian Almarhum.

Kriteria Pengharaman Menyerupai Sesuatu Kaum

SOALAN : Bagaimana ingin mengetahui kriteria yang terkandung dalam pengharaman menyerupai sesuatu kaum yang dilarang oleh agama? Contohnya dari segi budaya pemakaian yang diambil daripada Barat kelihatannya dibolehkan, namun bagaimana dengan tindakan-tindakan seperti 'dabbing', 'shuffle', 'raver' dan sebagainya?

JAWAPAN : Islam sangat memberikan perhatian kepada soal perhiasan dan bersikap dengan sikap yang baik dan cantik. Mengikut kaca mata Islam, tujuan memperindahkan diri terletak pada dua (2) perkara: iaitu menutup aurat dan perhiasan diri.

Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf: 31 yang bermaksud: *Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (sembahyang), makanlah dan minumlah, dan jangan kamu melampau-lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang yang melampau batas.* Bahkan dalam Islam seorang muslim hendaklah memiliki identiti yang berbeza dengan agama yang lain. Baginda Nabi SAW melarang jangan sesiapa meniru sesuatu kaum yang lain. Berdasarkan Hadis Riwayat Abu Daud Nabi SAW bersabda yang bermaksud: *"Sesiapa yang meyerupai sesuatu kaum maka samalah dia seumpama mereka."*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali ke-68 yang telah bersidang pada 12 April 2005 telah meletakkan beberapa Garis Panduan bagi orang Islam ketika merayakan hari kebesaran agama orang bukan Islam. Muzakarah telah memutuskan pada contoh memakai pakaian berwarna merah seperti *santa claus* atau pakaian lain yang melambangkan agama keadaan tersebut adalah bertentangan dengan syarak.

Adapun tindakan seperti 'dabbing', 'shuffle', 'raver' dan sebagainya perlu diambil tindakan dengan cara memberi nasihat serta mengawal segala tindak tanduk bermula di dalam intitusi keluarga.

***SHUFFLE:** Pergerakan ke hadapan dengan mendahulukan kaki hadapan. Sinonim: *quick advance*. Pergerakan melangkah ke belakang untuk mengurangkan tumpuan pihak lawan di samping mengatur strategi baru dan mencari ketenangan sementara. Sinonim: *back step*.

Lelaki Melebihi Wanita

SOALAN : Sekiranya membaca surah al-Nisa' pasti kita akan menemui satu ayat yang menggambarkan bahawa lelaki lebih tinggi taraf dan darjatnya daripada wanita. Mengapakah begitu? Bukankah ini diskriminasi gender?

JAWAPAN :1. Memang benar ayat al-Quran yang menyatakan sedemikian iaitu ayat 34 surah al-Nisa' yang bermaksud: *Kaum lelaki adalah pemimpin bagi wanita, kerana Allah telah melebihkan orang lelaki atas wanita, dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan dari harta mereka. Maka wanita yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara dirinya ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah. Dan wanita-wanita yang kamu bimbang melakukan nusyuz hendaklah kamu menasihati mereka, dan pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka taatkanmu, maka janganlah kamu mencari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.*

2. Tidak benar jika dikatakan ayat ini adalah diskriminasi gender. Hal ini kerana objektif ayat ini bukanlah menerangkan bahawa lelaki lebih mulia atau tinggi kedudukannya daripada wanita, sebaliknya menerangkan perihal tanggungjawab dan peranan yang dibebankan ke atas mereka berbanding wanita.

Sebaiknya kita tidak berbalah dalam menentukan individu yang lebih baik antara lelaki atau wanita. Sebaliknya, jalankanlah amanah dan tanggungjawab masing-masing sejajar dengan kelebihan yang Allah SWT kurniakan kepada kita, sesuai dengan gender dan sifat masing-masing.

Dalam ayat yang lain Allah SWT menegaskan yang paling mulia di sisi-Nya adalah yang paling bertakwa, seperti firman-Nya yang bermaksud: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antaramu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.* (al-Hujurat:13).



Apa itu data terbuka?

Data yang boleh digunakan secara bebas, boleh dikongsi dan digunakan semula oleh rakyat, agensi Sektor Awam atau swasta.



Apa itu set data?

Kumpulan butiran data yang berkaitan.



Siapakah pengguna data terbuka?

Pengguna data terbuka adalah terdiri daripada golongan seperti individu, pelajar, bisnes komuniti, kakitangan Kerajaan dan penyelidik.



Siapakah pembekal set data di dalam portal ini?

Set data yang dimuat naik ke dalam portal ini dibekalkan oleh agensi Kerajaan.



Bilakah set data dikemaskini?

Set data akan dikemaskini dari masa kesemasa mengikut perubahan yang berlaku dan dibekalkan oleh pemilik data berkenaan.



Mengapa Kerajaan berkongsi set data?

Kerajaan berkongsi set data terbuka bagi membolehkan perkongsian data tersebut secara meluas dan menunjukkan ketelusan Kerajaan. Disamping itu ia memberi peluang kepada rakyat dan komuniti bisnes bagi meningkatkan kreativiti dan inovasi di dalam penciptaan produk-produk baharu.



Bagaimana rakyat mendapat manfaat daripada perkongsian data terbuka?

Rakyat akan mendapat manfaat daripada perkongsian data tersebut dengan terciptanya produk-produk atau perkhidmatan baharu yang memberi kemudahan di dalam kehidupan seharian mereka.



Bagaimana untuk memohon set data baharu yang tiada di dalam portal?

Pengguna boleh memohon set data baharu dengan mengisi borang yang disediakan di dalam portal. Pihak Kerajaan akan memproses dan mempertimbangkan permohonan tersebut dengan sewajarnya. Set data baharu yang dimohon akan dimuat naik setelah mendapat kelulusan daripada pemilik data.

OBJEKTIF DATA TERBUKA

- Membolehkan data terbuka dikongsi secara lebih meluas dan meningkatkan ketelusan perkhidmatan Kerajaan;
- Memberi peluang kepada rakyat dan komuniti bisnes bagi meningkatkan kreativiti dan inovasi di dalam penciptaan produk baharu;
- Menyediakan platform kepada rakyat bagi mendapatkan maklumat dari sumber rasmi Kerajaan dan sebagai saluran mendapatkan maklum balas daripada rakyat;
- Menjimatkan masa capaian dataset data terbuka oleh rakyat; dan
- Menjimatkan kos pembangunan aplikasi agensi Kerajaan.

Berikut adalah 5 Set data daripada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (di bawah Pembekal set data Kerajaan Negeri Pulau Pinang) yang telah dimuat naik ke dalam portal www.data.gov.my

TAJUK	KEKERAPAN KEMASKINI
Rekod Kenampakan Hilal Di Pusat Falak Sheikh Tahir Negeri Pulau Pinang	Tahunan
Data Perubahan Cuaca Di Pusat Falak Sheikh Tahir Negeri Pulau Pinang	Suku Tahun
Data Pelawat Di Pusat Falak Sheikh Tahir Negeri Pulau Pinang	Tahunan
Data Pengesahan Arah Kiblat Negeri Pulau Pinang	Suku Tahun
Data Bahan Diterbitkan Oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang	Tahunan

Antara kluster/kategori data yang boleh diperolehi dari www.data.gov.my

 Pilihanraya Kebangsaan	 Bajet	 Bancian	 Perundangan	 Kontrak Awam	 Perbelanjaan Kerajaan	 Pemilikan Tanah	 Statistik Kebangsaan	 Jenayah
 Perdagangan Antarabangsa	 Pendaftaran Syarikat	 Pemetaan	 Pendidikan	 Pertanian	 Alam Sekitar	 Kesihatan	 Pengangkutan	 Lain-lain

Hubungi Kami

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 48, KOMTAR,
10000 Pulau Pinang, Malaysia.
Tel : 604-263 2975
Faks : 604-263 2985

Aplikasi Android



Media Sosial



PERKHIDMATAN ATAS TALIAN (ONLINE)

	Portal JMNP http://mufti.penang.gov.my
	Sistem e-Fatwa http://efatwa.penang.gov.my
	Sistem e-Kemasyarakatan http://ekemasyarakatan.penang.gov.my

AHLI BARU JMNPP

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang mengalu-alukan kedatangan tiga (3) orang pegawai di Jabatan ini. Semoga dengan kehadiran mereka di Jabatan ini akan terus memperlengkapi dan memperkasakan organisasi ini dalam mencapai visi dan misinya. أهلا وسهلا dan tahniah diucapkan.



PUAN SITI HAJAR BINTI PATUROONSA
Pembantu Pegawai Tadbir (N22)
19 November 2018



USTAZ MOHAMMAD ZAKI BIN HJ. ABDUL HALIM
Pegawai Hal Ehwal Islam (S41) sebagai Penolong Mufti (Buhuth)
9 Julai 2018



PUAN SALMI AIDA BINTI SAMSIMIR
Pembantu Tadbir Kanan (N22)
18 September 2018

JASAMU DIKENANG

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada tiga (3) orang pegawai ini di atas sumbangan dan khidmat terbaik yang diberikan kepada Jabatan ini.



ENCIK SOBRI BIN SHARIFF
Pembantu Tadbir Kanan (N22) bertukar ke Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Negeri Pulau Pinang.
7 September 2018



USTAZ MOHD JAIS ANUAR BIN AHMAD
Pegawai Hal Ehwal Islam (S41) melanjutkan pelajaran ke Peringkat Sarjana Syariah (Cuti Belajar Bergaji Penuh-CBBP).
26 September 2018



PUAN ZURILA BINTI ZAKARIAH
Pembantu Tadbir Kanan (N22) bertukar ke Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Negeri Pulau Pinang.
30 September 2018

SEKALUNG TAHNIAH

Seluruh warga kerja Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang mengucapkan tahniah kepada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan seorang lagi pegawai di Jabatan ini yang telah menerima darjah kebesaran dan anugerah sempena hari ulang tahun kelahiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kali ke-80 bertempat di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang.



YBHG. SAHIBUS SAMAAH DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
Menerima Anugerah Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (D.G.P.N) yang membawa gelaran Dato' Seri
14 Julai 2018



CIK NORFAZILAH BINTI MOHD LIDI
Menerima Anugerah Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
18 Julai 2018

CAHAYA MATA

Tahniah di atas kelahiran cahaya mata baharu kepada Ustaz Jamil bin Nordin

بَارَكَ اللهُ لَكَ فِي الْمَوْهُوبِ لَكَ وَشَكَرْتَ الْوَاهِبَ وَبَلَغَ أَشُدَّهُ وَرَزَقْنَا بِرُّهُ

"Semoga Allah memberkati bagimu kelahiran bayi yang dianugerahkan kepadamu. Lalu engkau bersyukur kepada Allah yang menganugerahkan kepadamu. Semoga apabila anak itu dewasa, kamu akan dikurniakan kebaikan daripadanya".



Nama Bayi : Ulfah Majidah binti Jamil
Tarikh Lahir : 9 Oktober 2018 (1 Safar 1440H)
Nama Ayah : Ustaz Jamil bin Nordin